



## YB NOORITA SUAL LAMBANG **KEBANGGAAN** **SUKU KAUM MURUT** **TAHOL**

(Fakulti Undang-Undang 2003)

YB Noorita Sual telah menjadi wanita pertama suku kaum Murut Tahol yang pertama dilantik Ahli Parlimen Tenom. Kewibawaan dan semangat juang yang tinggi telah menjadikan wanita ini pilihan utama untuk melaksanakan amanah membela dan memperjuangkan nasib rakyat. Semoga YB Noorita Sual terus cemerlang dalam lapangan yang diceburi.



## TAHNIAH **ALUMNI HEBAT** : **DR. RAZALI AB MALIK**

(Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan 2014)

Tahniah diucapkan kepada Dr. Razali Ab Malik atas lantikan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan berkuatkuasa pada 11 Jun 2018. Beliau sebelum ini bertugas sebagai Ketua Kluster Pengajian Etika Profesional dan Integriti, Institut Pentadbiran Awam Negara. Dr. Razali telah menggantikan Datuk Seri Mat Ali Hassan yang berpindah ke Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya. Syabas dan tahniah diucapkan. Semoga Dr. Razali terus berjaya melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.



## SYARAHAN PERDANA **PROFESOR** TEKNOLOGI CAHAYA **MANFAAT MENGATASI** **BAHAYA**

(Fakulti Kejuruteraan Dan Alam Bina 2000, 2003, 2007)

Prof. Ir. Dr. Mohd Syuhaimi Ab. Rahman telah memberi Syarahan Perdana Profesor pada 26 Jun 2018 di Bilik Senat, Canselor UKM. Cahaya adalah bersifat zarah dan gelombang elektromagnetik berfrekuensi tinggi. Ia dapat diaplikasikan dalam pelbagai alatan yang berasaskan cahaya yang dibangunkan oleh para jurutera seperti dalam bidang telekomunikasi. Beliau juga menerangkan manfaat cahaya secara batiniyah dan zahiriah kepada manusia yang boleh dilihat dari perspektif sains dan agama dalam syarahan tersebut.

## INTERAKSI **ALUMNI** BERSAMA **NAIB CANSOLOR**

Pada 2 Julai telah berlangsung Program Interaksi 4.0 Naib Canselor bersama Alumni di Hotel Sherwood Gateway Bangi.

Antara alumni yang hadir pada interaksi tersebut adalah Dato' Norhalim Yunus, CEO Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), Dato' A. Rahman Safar, Timbalan Presiden KLIA Holdings, Datuk Abdul Rahim Mohd Zin, Pengarah Urusan Kumpulan KUB Malaysia Berhad, Dato' Arshad Hamzah, Perunding UN Geneva Accord, Datin Paduka Zaliza Alias, Pengasas Genius Aulad International Group Sdn Bhd, Dato' Mohd Fauzi Yaakub, Ketua Pegawai Eksekutif Excel Force MSC Berhad, Puan Hani Kartika Hamad Kama Piah, Farmasis Honeytree Pharmacy Sdn Bhd, Dr Thilagavathi Shanmuganathan, Presiden Persatuan I-Alumni, Puan Maria Mansor, Peguam, En. Thiagarajah Seladurai, Pengarah Pengurusan Seven Seas Worldwide (M) Sdn Bhd, Clement Heng, Trustee Malaysian Rubber Glove Manufacturers Association

Program ini bertujuan untuk menghubungkan pihak pengurusan universiti dengan alumni hebat bagi membincangkan isu-isu semasa yang berlaku di universiti dan kerjasama yang boleh dijalin pada masa akan datang.



**Pusat Perhubungan Alumni**  
Aras 7, Bangunan Pusanika  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor

☎ 603 8921 4698/3194/4703    📠 603 8921 4701  
🌐 <http://www.ukm.my/alumni>

✉ [alumni@ukm.edu.my](mailto:alumni@ukm.edu.my)  
📘 /UKMalumni  
🐦 /ukm\_my  
📷 /ukminsta  
📺 /ukmtubes